

08 JAN 1999

Anwar-DAP

DAP MAHU ORANG YANG MEMUKUL ANWAR DIHADAPKAN KE MAHKAMAH

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- DAP hari ini menyeru Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah supaya mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang menyebabkan kecederaan pada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis pada September lepas.

Timbalan Pengerusinya Karpal Singh berkata, Peguam Negara perlu membawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan tidak kira pangkat mereka dalam pasukan polis.

"Peguam Negara, sebagai pembela kepentingan awam perlu melakukan apa sahaja untuk membawa mereka ini ke muka pengadilan," kata beliau dalam satu kenyataan di sini.

Karpal Singh berkata peletakkan jawatan Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor berkuatkuasa hari ini tidak bermakna fail kes itu boleh ditutup begitu sahaja.

"Tiada siapapun boleh dikecualikan jika ada prima facie terhadapnya. Sudah pasti, yang bersalah perlu dihadapkan ke mahkamah," kata beliau.

Abdul Rahim mengumumkan peletakkan jawatannya sebagai Ketua Polis Negara dalam kenyataan tiga muka surat semalam dengan berkata beliau bertanggungjawab penuh terhadap kecederaan yang dialami oleh Anwar sementara berada dalam tahanan polis.

Abdul Rahim membuat keputusan itu ekoran kenyataan akhbar Mohtar pada Selesa lepas yang menyatakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertanggungjawab penuh terhadap kecederaan pada Anwar sementara berada dalam tahanan polis.

Mohtar berkata, beliau berpuas hati yang kecederaan yang dialami oleh Anwar adalah disebabkan oleh anggota-anggota PDRM.

Bagaimanapun, beliau berkata, pasukan penyiasat khas yang menjalankan siasatan itu masih belum dapat mengenal pasti mereka yang bertanggungjawab dalam mencederakan Anwar.

Mohtar berkata, beliau tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang didapati telah melakukan atau berkomplot dalam melakukan kesalahan itu."

Sementara itu anggota jawatankuasa pusat parti Gerakan Dr S. Vijayaratnam berkata, peletakkan jawatan oleh Abdul Rahim perlu dilihat secara positif dan bukan secara ragu-ragu.

"Tan Sri Rahim bertindak segera selepas penemuan yang dibuat oleh Peguam Negara dan ia langkah yang wajar," kata beliau dalam satu kenyataan.

Bagaimanapun, Vijayaratnam berkata memandangkan perbuatan memukul seseorang yang berada dalam tahanan polis sesuatu yang serius, kes seperti itu perlu disiasat dengan menyeluruh dan mereka yang bersalah perlu diberkas secepat mungkin.

Beliau berkata, PDRM secara amnya institusi yang cemerlang jika dibandingkan dengan standard Asia serta "agak cekap dan profesional dalam tugasnya."

"Adalah memalukan untuk melihat nama baiknya dicemari oleh beberapa anggota yang tidak bertanggungjawab," katanya lagi.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang berkata, beliau telah menghantar nota melalui faks kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta ditubuhkan segera Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat dakwaan yang Anwar dipukul semasa dalam tahanan.

Lim berkata, beliau menyatakan dalam notanya yang penubuhan suruhanjaya seperti itu satu-satunya cara bagi meyakinkan rakyat Malaysia dan dunia yang peletakkan jawatan oleh Abdul Rahim menandakan permulaan "pemerintahan

yang baik dan bukan helah untuk mengelakkan akauntabiliti dan tanggungjawab terhadap keganasan polis terhadap Anwar".

Pengerusi Gagasan Demokrasi Rakyat, Tian Chua pula berkata dalam satu kenyataan dengan peletakkan jawatan oleh Abdul Rahim, pergerakan itu percaya penyusunan semula institusi penguatkuasa adalah mustahak.

Presiden Amanah Pergerakan Antarabangsa Bagi Dunia Adil, Dr Chandra Muzaffar berkata, badan itu berharap yang peletakkan jawatan Abdul Rahim bukan helah untuk menutup babak "antara insiden paling memalukan and menjijikan dalam episod Anwar".

"Hanya apabila cerita sebenar di sebalik kejadian itu diumumkan secepat mungkin baru akan ada akauntabiliti demokratik sebenar," katanya.

Pesiden Aliran P. Ramakrishnan berharap peletakkan jawatan Abdul Rahim bukan helah untuk meredakan kemarahan orang ramai dan memesong perhatian daripada isu utama iaitu mengenal pasti mereka yang memukul Anwar semasa dalam tahanan polis.

Pengarah Tenaganita Irene Fernandez berkata, keyakinan terhadap PDRM hanya boleh dikembalikan apabila mereka yang memukul Anwar dihadapkan ke mahkamah.

Presiden Majlis Belia Malaysia Saifuddin Abdullah dalam kenyataannya menyifatkan keputusan Abdul Rahim meletakkan jawatan akan memulakan satu budaya baru di kalangan pemegang jawatan awam supaya membuktikan tanggungjawab mereka atas bidang kuasa yang dipegang atau perlakuan orang di bawah mereka.

Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat Haji Mahfuz Omar bersetuju supaya sebuah suruhanjaya bebas ditubuhkan dan diletakkan di bawah tanggungjawab Parlimen Malaysia untuk memastikan penyiasatan yang bakal dibuat adil kepada semua pihak.

-- BERNAMA

KLS MAM RN PR